

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

1. Nyatakan kutipan dan peratusan cukai petak yang telah dibayar kepada kerajaan.
  - (a) Berapakah cukai petak yang masih dihutang?
  - (b) Apakah tindakan yang boleh dan akan diambil terhadap penghutang?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

1. Jumlah Kutipan Cukai Petak atau Blok Sementara pada tahun 2020 (sehingga 31 Ogos 2020) yang dibayar kepada kerajaan adalah **RM7,106,730.77** atau **61.42%** daripada jumlah yang patut dikutip. Jumlah kutipan cukai petak berjumlah RM7,106,730.77 ini adalah jumlah kutipan cukai semasa dan baki kutipan yang masih belum dikutip adalah baki jumlah cukai petak semasa yang belum dikutip.
  - (a) Jumlah tunggakan cukai petak atau blok sementara bagi tahun 2020 (sehingga 31 Ogos 2020) adalah **RM4,712,140.59**  
  
Jumlah cukai bernilai RM4,712,140.59 ini adalah jumlah tunggakan cukai bagi cukai yang belum dijelaskan pada tahun 2019 dan ke bawah.
  - (b) Tindakan pelucutahan mengikut Seksyen 23E dan Seksyen 23L Akta Hakmilik Strata 1985 boleh dikenakan ke

atas petak atau blok sementara yang gagal menjelaskan bayaran cukai selepas 31 Mei kepada Kerajaan Negeri. Namun, disebabkan penularan wabak COVID-19, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan pelanjutan tempoh akhir bayaran cukai petak dan tanah bagi tahun 2020 daripada 31 Mei 2020 kepada 30 Ogos 2020. Oleh itu, denda lewat telah dikenakan ke atas pembayar cukai yang gagal menjelaskan bayaran cukai petak mulai 31 Ogos 2020. Pentadbir Tanah Daerah telah mengesan pemilik-pemilik petak yang tidak menjelaskan bayaran cukai selepas tarikh akhir bayaran dan surat peringatan secara pentadbiran akan dihantar kepada pemilik-pemilik petak tersebut sebagai peringatan supaya pemilik petak menjelaskan bayaran tertunggak sebelum tindakan pelucuthakan diambil.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)2**


**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

2. Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM3 juta untuk membayai kos pemeriksaan kanser payudara dalam tempoh tiga tahun ini.
  - (a) Nyatakan peratusan daripada jumlah wanita yang layak yang telah menjalani pemeriksaan ini.
  - (b) Apakah usaha yang telah dijalankan untuk menjayakan program ini?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Mammo Penang adalah inisiatif Kerajaan Negeri bagi memberi manfaat kepada golongan wanita untuk menjalani ujian saringan kanser payudara secara percuma. Mulai 1 Mac 2019 Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) bagi pelaksanaan program Mammo Penang.
  - (a) Jumlah wanita yang telah menjalani ujian Mammo Penang sejak ianya dilancarkan iaitu dari 1 Mac 2019 hingga 31 Ogos 2020 adalah seramai 3,143 orang. Secara peratusan, sebanyak 0.85% daripada jumlah wanita yang layak yang telah menjalani pemeriksaan kanser payudara dalam tempoh tiga tahun ini.

- (b) Antara usaha yang telah dijalankan untuk menjayakan program ini adalah seperti berikut:
- (i) Mengadakan kerjasama dengan setiap KADUN untuk membantu merujuk wanita kepada Klinik Nur Sejahtera LPPKN bagi menjalani ujian mammogram;
  - (ii) Mengadakan taklimat kepada wakil setiap KADUN berkaitan penyakit kanser payudara dan ujian mammogram;
  - (iii) Mengadakan Program *Outreach Mammo Penang* di pasar raya, sekolah dan komuniti setempat;
  - (iv) Membuka kaunter promosi dan pendaftaran Mammo Penang di beberapa buah klinik kesihatan, hospital kerajaan dan KOMTAR secara berkala;
  - (v) Membuka Kaunter Promosi dan Pendaftaran Mammo Penang dalam program komuniti anjuran LPPKN seperti Program FACE (Pemerkasaan Keluarga dan Komuniti);
  - (vi) Mengadakan Program Sayangi Dirimu Wanita iaitu ceramah kanser payudara dan mammogram; dan
  - (vii) Menggiatkan aktiviti promosi dan pendaftaran Mammo Penang dalam *Program Outreach Pusat Keluarga Bergerak LPPKN* (bas / klinik bergerak) di organisasi kerajaan, swasta dan program komuniti seluruh negeri Pulau Pinang.



MAMMO  
PENANG

**MAMMO PENANG**  
‘Sayang Wanita Pulau Pinang’

---

**PROGRAM SARINGAN MAMMOGRAM**  
**PERCUMA KERAJAN NEGERI PULAU**  
**PINANG**

# Tahun Pelaksanaan Program Mammo Penang

Program Mammo Penang bermula  
Pelaksana : BP Diagnostik Sdn Bhd

Program Mammo Penang bermula  
Pelaksana : LPPKN Negeri Pulau  
Pinang


2015

2022

Tempoh program berakhir

Tempoh program berakhir


## Jumlah Saringan Mammogram Wanita Pulau Pinang



Pelaksana : BP Diagnostics Sdn Bhd  
Tempoh pelaksanaan : Februari 2015 – Mei 2018

Pelaksana : LPPKN Negeri Pulau Pinang  
Tempoh pelaksanaan : Februari 2019 – Februari 2022

## **Jumlah Peruntukan yang telah digunakan untuk Pembayaran Saringan Mammogram**




Pelaksana : BP Diagnostics Sdn Bhd  
Tempoh pelaksanaan : Februari 2015 - Mei 2018  
Pelaksana : LPPKN Negeri Pulau Pinang  
Tempoh pelaksanaan : Februari 2019 - Februari 2022

# Pusat Mammogram

---

BP DIAGNOSTICS SDN BHD

2015 - 2018



BP Lab cawangan Bukit Mertajam

---

LPPKN NEGERI


2019 - 2022




BP Lab cawangan Pulau




Pusat Diagnostik Anda, Bertam




Bagan Specialist Centre




KPJ Specialist Hospital, Bandar Perda



Glenegles Medical Centre



Hospital Lam Wah Ee



Hospital Adventist

# **KEPUTUSAN MAMMOGRAM ABNORMAL BAGI KLIEN MAMMO PENANG – BP LAB**

---

**KEPUTUSAN ABNORMAL            JUMLAH KES**

		<b>TINDAKAN LANJUT</b>
CAT-4	78	Rujuk Hospital
CAT-5	6	Rujuk Hospital
CAT-6	1	Rujuk Hospital

# KEPUTUSAN MAMMOGRAM ABNORMAL BAGI KLIEN MAMMO PENANG 2019 - LPPKN

KEPUTUSAN ABNORMAL	JUMLAH KES	CATATAN	TINDAKAN LANJUT
KATEGORI 3	67	Probably benign finding (0.5% to 2% may eventually turn out to be malignant)	Ujian mamogram diulang selepas 6 bulan
KATEGORI 4	40	Probability of being cancer (20 – 40%).	Rujuk Hospital
KATEGORI 5	12	High probability of being cancer (75 – 90%)	Rujuk Hospital

# Inisiatif Promosi 2019 – 2022

---

- Bengkel Training for Trainer – untuk PIC setiap KADUN : 11 Mac 2019
- Program Penang Sihat – setiap KADUN
- Program Komuniti LPPKN
- Program-program anjuran Parlimen, KADUN dan JPWK
- Program bersama persatuan : PERISMA, Puspanita, Persatuan Penduduk, Kariah masjid
- Pembukaan kaunter Mammo Penang : KOMTAR, Mydin Bertam, AEON Big, MBSP, Klinik Kesihatan Kepala Batas, LHDN cawangan Pulau, kilang-kilang di Perai

**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN**

**BERTARIKH PADA 30 HARIBULAN MEI TAHUN 2019**

**ANTARA**

**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

**DENGAN**



**LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA**

**(“LPPKN”)**

**MENGENAI**

**KERJASAMA DALAM PELAKSANAAN**

**PROGRAM PEMERIKSAAN MAMMOGRAM SECARA PERCUMA KEPADA WANITA YANG  
BERKELAYAKAN DI PULAU PINANG**



Memorandum Persefahaman ini dibuat pada ..... 17 ..... haribulan ..... 9 ..... 20 ... 19 ...  
ini dirujuk sebagai "Memorandum Persefahaman")

**ANTARA**

**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG** yang bagi maksud Memorandum Persefahaman ini diwakili oleh **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG** yang beralamat di **TINGKAT 25, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG, KOMTAR, 10503 PULAU PINANG** (selepas ini disebut sebagai "KERAJAAN NEGERI") sebagai satu pihak;

**DAN**

**LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA**, sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 [Akta 352] yang beralamat di **No 12B, Bangunan LPPKN, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur** (selepas ini disebut sebagai "LPPKN") sebagai pihak yang satu lagi,

(Kerajaan Negeri dan LPPKN dalam Memorandum Persefahaman ini boleh dirujuk secara bersama sebagai "Pihak-Pihak").

**BAHAWASANYA:-**

- A. LPPKN adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang mempunyai visi untuk menjadi organisasi kecemerlangan penduduk dan keluarga dan bermatlamat untuk memacu agenda kependudukan yang inovatif melalui dasar, kajian demografik keluarga, program dan perkhidmatan.

- B. **PIHAK-PIHAK BERHASRAT** untuk bekerjasama dalam pelaksanaan Program Pemeriksaan Mammogram Secara Percuma Kepada Wanita Yang Berkelayakan Di Pulau Pinang (selepas ini disebut sebagai "**Program Pemeriksaan Mammogram (Mammo-Penang)**".
- C. **PIHAK-PIHAK MEMPERCAYAI BAHAWA** kerjasama ini dapat mengukuhkan hubungan antara Pihak-Pihak dalam membantu wanita yang memerlukan bantuan dalam menjalani rawatan mammogram di negeri Pulau Pinang.

**ADALAH DIPERSETUJUI** seperti yang berikut:-

#### **ARTIKEL 1**

##### **OBJEKTIF**

- 1. Pihak-Pihak, tertakluk kepada peruntukan Memorandum Persefahaman ini dan undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan dasar yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa, bersetuju untuk bekerjasama dalam Program Pemeriksaan Mammogram (Mammo-Penang).
- 2. Memorandum Persefahaman ini hendaklah menjadi asas persetujuan bagi Pihak-Pihak untuk mengkaji kemungkinan mengadakan kerjasama sehingga satu perjanjian dimeterai oleh Pihak-Pihak atas terma dan syarat-syarat yang dipersetujui bersama.

#### **ARTIKEL 2**

##### **BIDANG KERJASAMA**

- 1. Kerajaan Negeri akan memainkan peranan dan tanggungjawab serta bekerjasama sepenuhnya dalam Program Pemeriksaan Mammogram (Mammo-Penang), tertakluk kepada undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan dasar yang berkuat

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

3. Terdapat aktiviti perniagaan dan bangunan yang berdekatan dengan stesen minyak dan merisaukan orang awam atas faktor keselamatan.
  - (a) Nyatakan *Standard Operating Procedure* (SOP) untuk aktiviti perniagaan dan bangunan yang boleh diadakan berhampiran dengan stesen minyak.
  - (b) Nyatakan bilangan stesen minyak yang tidak memenuhi SOP ini.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. (a) Semua bangunan termasuklah bangunan komersil dan kediaman yang dibina berhampiran stesen minyak telah mematuhi *Standard Operation Procedure* (SOP) keselamatan yang ditetapkan. Sebelum sesuatu pembinaan dilaksanakan, Kebenaran Merancang (KM) perlulah diluluskan terlebih dahulu di peringkat Jawatankuasa Pusat Setempat (One Stop Centre - OSC) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Salah satu syarat untuk mendapatkan lesen perniagaan adalah bangunan komersil dan kediaman yang dibina berhampiran stesen minyak perlulah mempunyai Sijil Siap dan Pematuhan (CCC) atau Sijil Layak Menduduki (CF) terlebih dahulu. Oleh yang demikian, setiap bangunan yang sedang beroperasi secara sah telah mempunyai lesen perniagaan dan telah mempunyai CCC atau CF serta mematuhi SOP keselamatan yang ditetapkan.

Kerajaan Negeri telah pun meluluskan Garis Panduan Pembinaan Stesen Minyak Di Negeri Pulau Pinang bagi pemakaian oleh PBT pada 11 September 1998. Mengikut pindaan terkini Garis Panduan Perancangan Pembinaan Stesen Minyak di Negeri Pulau Pinang (Pindaan 2020) yang diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan Negeri (SPC) Bil. 5/2020 pada 28 Ogos 2020, semua pemajuan baharu stesen minyak di kawasan PBT hanya dibenarkan di dalam zon stesen minyak, perniagaan am, industri am dan pelancongan am di kawasan luar Bandaraya George Town dan hendaklah terletak di bidang hadapan jalan-jalan utama dengan jalan susur dan mematuhi garis panduan berikut:

- (i) Mengambil kira keselamatan awam dengan menetapkan semua struktur hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai anjakan 6.1 meter (20 kaki) daripada garisan sempadan bersama / lot tanah stesen minyak tersebut dan zon penampang selebar 30.0 meter perlu disediakan dari tangki simpanan minyak dan tempat isi minyak dengan bangunan kediaman terdekat.
  - (ii) Menyediakan tembok setinggi 10 kaki (3 meter) di bahagian tepi (kiri & kanan) dan belakang tapak stesen minyak yang terletak bersempadan dengan lot-lot bersebelahan. Segala struktur termasuk tangki bawah tanah hendaklah mematuhi garisan bangunan. Pam diesel perlu diletakkan 6.0 meter daripada sempadan jalan susur.
  - (iii) Menyediakan laluan *ingress* dan *egress* mengikut piawaian jalan JKR dan tidak mengganggu laluan utama serta tidak menimbulkan masalah lalu lintas, jalan susur hendaklah disediakan dan laluan masuk hendaklah diletakkan tidak kurang 60 meter (200 kaki) dari selangan pemisah jalan dua hala diukur dari sempadan terdekat jalan masuk atau keluar.
- (b) Semua stesen minyak yang sedang beroperasi secara sah di Negeri Pulau Pinang telah mematuhi SOP keselamatan yang ditetapkan .

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

4. Nyatakan dengan terperinci bilik laktasi yang ada di tempat awam dalam negeri ini termasuk semua agensi kerajaan tempat membeli belah dan agama.
  - (a) Huraikan keperluan asas dalam sesebuah bilik laktasi.
  - (b) Nyatakan usaha Kerajaan Negeri yang telah diambil untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Breastfeeding Friendly State sejak 2011 dengan terperinci.

**YB. CHONG ENG  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Berdasarkan rekod Pihak Berkuasa Tempatan, perincian bilik laktasi di tempat awam termasuk agensi kerajaan, tempat membeli belah dan agama adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Terdapat rumah ibadat yang menyediakan bilik laktasi di Pulau Pinang. Namun, lampiran yang disediakan adalah berdasarkan rekod Pihak Berkuasa Tempatan.
  - (a) Berdasarkan panduan MS1184:2014 (*Universal Design and Accessibility in the Built Environment – Code of Practice*) daripada Jabatan Standard Malaysia, sesebuah bilik laktasi perlu dibangunkan mengikut standard seperti berikut:

- (i) Sebuah bilik penyusuan yang berasingan dengan pintu berkunci perlu disediakan untuk penyusuan susu ibu sahaja;
- (ii) Tempat duduk yang selesa, sebaik-baiknya jenis kerusi berlengan harus disediakan bagi kemudahan ibu-ibu; dan
- (iii) Kawasan di ruang keluarga yang dipisahkan dengan langsir perlu disediakan untuk penyusuan ibu.

Sesebuah bilik laktasi perlu mempunyai sistem pengudaraan yang baik dengan keperluan asas seperti berikut:

- Pintu berkunci;
- Meja / kaunter;
- Kerusi / tempat duduk;
- Basin air;
- Tisu; dan
- Tong sampah;

(b) Antara usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai *Breastfeeding Friendly State* sejak tahun 2011 adalah seperti berikut:

- (i) Kerajaan Negeri pada tahun 2011 telah mewujudkan sebuah bilik laktasi bagi memberi kemudahan kepada penjawat awam yang bergelar ibu di bangunan Komtar;
- (ii) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan telah mensyaratkan penyediaan bilik laktasi di bangunan pasaraya, hospital, hotel dan bangunan kemudahan awam sejak tahun 2014;
- (iii) Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan dua (2) pertubuhan iaitu World Alliance for Breastfeeding Action (WABA) dan Mother-To-Mother Peer Support (MMPS) yang aktif dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai *Breastfeeding Friendly State*. Kedua-dua pertubuhan

tersebut giat mempromosikan penyusuan susu ibu melalui program-program dan mengajar teknik penyusuan yang betul. Kerajaan Negeri dengan kerjasama kedua-dua pertubuhan itu, telah menganjurkan Program Penyusuan Ibu Serentak Selama Satu Minit bagi mempromosikan kebaikan penyusuan susu ibu dan menyebarkan mesej bahawa adalah tidak salah bagi wanita-wanita menyusukan bayi masing-masing di tempat awam;

- (iv) Kerajaan Negeri telah menyediakan Senarai Semak Gender untuk Reka Bentuk Bandar dan Perumahan yang merangkumi penyediaan tempat tukar lampin bayi selain daripada bilik air yang lengkap dan selamat dengan ciri-ciri yang memenuhi keperluan wanita;
- (v) Kerajaan Negeri telah mempromosikan Senarai Semakan Gender untuk Reka Bentuk Bandar dan Perumahan bersama Pihak Berkuasa Tempatan untuk semua projek pembangunan di Pulau Pinang. Senarai semak itu merangkumi penyediaan bilik penyusuan selain bilik air yang lebih lengkap dan selamat dengan ciri-ciri yang memenuhi keperluan wanita; dan
- (vi) Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang yang kerap menganjurkan program dan kempen kesedaran mempromosikan kebaikan penyusuan susu ibu di Pulau Pinang. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang mempunyai sebuah unit khas iaitu unit laktasi yang membantu ibu-ibu dalam *antenatal* dan *postnatal* dengan penyusuan susu ibu.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

5. Nyatakan dengan terperinci tempat tukar lampin bayi di tempat awam dalam negeri ini.
  - (a) Adakah terdapat tempat tukar lampin bayi berkongsi dengan bilik laktasi?
  - (b) Huraikan keperluan asas di tempat tukar lampin bayi.
  - (c) Apakah usaha kerajaan untuk menjadikan negeri ini sebagai negeri keluarga mesra bagi perkara ini?

**YB. CHONG ENG  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. Berdasarkan rekod Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), perincian tempat tukar lampin bayi di tempat awam di Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
  - (a) Berdasarkan panduan MS1184:2014 (*Universal Design of Practise*) daripada Jabatan Standard Malaysia, setiap tempat tukar lampin bayi hendaklah disediakan di bilik keluarga, tandas lelaki/perempuan atau hendaklah berasingan dengan bilik laktasi. Tempat tukar lampin bayi seperti yang tersenarai di **LAMPIRAN A** disediakan secara berasingan dengan bilik laktasi.

- (b) Tempat tukar lampin bayi perlu mempunyai sistem pengudaraan yang baik dengan keperluan asas seperti berikut:
- (i) Katil bayi;
  - (ii) Stesen menukar lampin harus mempunyai tali keselamatan yang stabil dan halangan kepada pengguna kerusi roda;
  - (iii) Sinki/basin air dengan cecair bahan pencuci dan kertas tuala/tisu;
  - (iv) Tempat duduk; dan
  - (v) Tong sampah.
- (c) Antara usaha Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri mesra keluarga terutama melibatkan penyediaan tempat tukar lampin bayi adalah seperti berikut:
- (i) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mensyaratkan supaya tempat tukar lampin bayi diwujudkan di bangunan pasaraya, hospital, hotel dan bangunan kemudahan awam sejak tahun 2014; dan
  - (ii) Kerajaan Negeri telah menyediakan Senarai Semak *Gender* untuk Reka Bentuk Bandar dan Perumahan yang merangkumi penyediaan tempat tukar lampin bayi selain daripada bilik air yang lengkap dan selamat dengan ciri-ciri yang memenuhi keperluan wanita.

**LAMPIRAN A****SENARAI TEMPAT TUKAR LAMPIN BAYI DI TEMPAT AWAM DI  
PULAU PINANG**

BIL	DAERAH	NAMA TEMPAT & LOKASI	KATEGORI
1	SPU	Sunshine Bertam, Kepala Batas	Kompleks membeli belah
2	SPU	Mydin Bertam, Kepala Batas	Kompleks membeli belah
3	SPU	Tesco Bertam, Kepala Batas	Kompleks membeli belah
4	SPU	Hentian Rehat BORR	Tempat awam
5	SPU	Penang Sentral , Butterworth	Tempat awam
6	SPU	Hospital Kepala Batas	Agensi kerajaan
7	SPT	Tesco Seberang Jaya	Kompleks membeli belah
8	SPT	Aeon Big Seberang Jaya	Kompleks membeli belah
9	SPT	Sunway Carnival , Seberang Jaya	Kompleks membeli belah
10	SPT	Tesco Alma , Bukit Mertajam	Kompleks membeli belah
11	SPT	Aeon Alma, Bukit Mertajam	Kompleks membeli belah
12	SPT	Aeon Big Bukit Minyak	Kompleks membeli belah

13	SPT	Mydin Jalan Baru	Kompleks membeli belah
14	SPT	Hentian Rehat Juru	Tempat Awam
15	SPT	KPJ Bandar Perda, BM	Tempat Awam
16	SPT	Hospital Seberang Jaya	Agensi kerajaan
17	SPS	Design Village Batu Kawan	Kompleks membeli belah
18	SPS	CMART Bandar Tasek Mutiara, Seberang Perai Selatan	Kompleks membeli belah
19	SPS	IKEA Batu Kawan	Kompleks membeli belah
20	TL	Stadium Bandaraya	Tempat Awam
21	TL	Taman Bandaraya	Tempat Awam
22	TL	Balai Rakyat Padang Tembak	Tempat Awam
23	BD	Taman Metropolitan	Tempat Awam
24	BD	Taman Jajar, Jalan York	Tempat Awam

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

6. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menggantikan RM90 elaun parkir kenderaan kepada penjawat awam berpangkat tinggi ke elaun penggunaan pengangkutan awam yang selaras dengan misi dan Visi Penang2030 yang mensasarkan 20 peratus penggunaan pengangkutan awam?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Buat masa ini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk menggantikan RM90 elaun parkir kenderaan kepada penjawat awam berpangkat tinggi ke elaun penggunaan pengangkutan awam.

Kerajaan Negeri masih lagi mengekalkan kemudahan Elaun Parkir Kenderaan RM90 kepada penjawat awam yang berkaitan selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2011 bagi tujuan untuk membantu penjawat awam yang perlu menggunakan kenderaan sendiri untuk menjalankan tugas rasmi dan menyewa petak letak kereta yang terletak di persekitaran pejabat.

Walau bagaimanapun, demi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam oleh penjawat awam ke tempat kerja, Kerajaan Negeri telah menyediakan perkhidmatan *Bridge Express Shuttle Transit* (BEST) KOMTAR sejak tahun 2012. Kini, sebanyak lapan (8) buah bas digunakan di empat (4) laluan iaitu Bertam, Seberang Jaya, Jawi dan Balik Pulau bagi perkhidmatan BEST KOMTAR yang telah memberi manfaat kepada kira-kira 320 orang penjawat awam.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

7. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyerahkan hal ehwal pengurusan dan perancangan bas percuma kepada Kerajaan Tempatan masing-masing seperti apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mencapai matlamat yang disasarkan?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. Buat masa ini, pengurusan perkhidmatan bas percuma Rapid Penang adalah di bawah tanggungjawab Seksyen Pengangkutan, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN).

Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan untuk menyerahkan hal ehwal pengurusan dan perancangan bas percuma kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sejajar dengan fokus PBT dalam membangunkan sektor infrastruktur pengangkutan awam dan pengurusan lalu lintas yang efisyen serta bagi memastikan keselesaan penduduk setempat. Walau bagaimanapun, perbincangan lanjut perlu dilakukan bersama pihak PBT sebelum perkara ini dimuktamadkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

8. Apakah tindakan susulan daripada Kerajaan Negeri selepas projek mega seperti pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Projek Kereta Kabel Bukit Bendera dan Penang Transport Master Plan (PTMP) yang telah ditolak oleh Kerajaan Persekutuan Perikatan Nasional?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Tindakan susulan Kerajaan Negeri selepas projek mega tidak diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

- (i) Projek Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP)

Kementerian Pengangkutan telah memaklumkan bahawa projek ini ditangguhkan buat sementara waktu bagi membolehkan kajian *National Airports Strategic Plan* (NASP) dilaksanakan terlebih dahulu untuk meneliti semua cadangan pembangunan atau naik taraf lapangan terbang baharu.

Pada 27 Ogos 2020, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengadakan perjumpaan bersama YB. Menteri Pengangkutan pada 27 Ogos 2020 yang lalu bagi membincangkan hala tuju projek pembesaran LTAPP. Susulan daripada perjumpaan tersebut, Y.A.B. Ketua Menteri juga telah mengemukakan surat kepada YB Menteri Pengangkutan pada 8 September 2020 di mana

pihak Kerajaan Negeri telah memohon agar cadangan pembesaran LTAPP sehingga 12 mppa (*million passengers per annum*) ataupun 16 mppa ini diteruskan dan pelaksanaannya tidak terjejas akibat kajian *National Airports Strategic Plan* (NASP). Selain itu, Kerajaan Negeri akan terus bekerjasama dengan pihak Kementerian Pengangkutan dan Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) dalam usaha bagi memastikan projek pembesaran ini berjalan dengan lancar.

Berdasarkan laporan bulanan setakat 25 September 2020 yang dikemukakan oleh pihak MAHB, pihaknya masih dalam proses mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan untuk pematuhan kelulusan-kelulusan yang telah diperolehi daripada agensi berkaitan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengambil maklum mengenai cadangan oleh Kerajaan Persekutuan untuk tidak meneruskan pembesaran LTAPP setakat ini sehingga kajian NASP disiapkan. Perincian mengenai perkara ini tidak dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri.

(ii) Projek Kereta Kabel Bukit Bendera

Permohonan peruntukan bagi projek ini telah diluluskan dalam Belanjawan 2020 pada bulan Oktober 2019. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 3 April 2020 telah menyatakan bahawa permohonan tersebut tidak mendapat pertimbangan daripada pihak Kementerian dan tidak dapat diteruskan.

Kerajaan Negeri melalui Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan rayuan pada 10 Jun 2020 kepada Kementerian Kewangan bagi meneliti dan mempertimbangkan semula permohonan peruntukan bagi cadangan pelaksanaan Projek Kereta Kabel Bukit Bendera di Pulau Pinang dan tiada maklum balas yang diterima sehingga kini.

Bagi meneruskan Projek Kereta Kabel Bukit Bendera, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bukit Bendera akan mengeluarkan *Request for Proposal* (RFP) untuk bekerjasama dengan pihak swasta secara *Public Private*

*Partnership* (PPP). Panggilan RFP dijangka akan dilaksanakan pada bulan November 2020. Projek ini dijangka akan mengambil masa antara tiga (3) hingga empat (4) tahun untuk siap sepenuhnya dan mula beroperasi.

- (iii) Projek Bayan Lepas *Light Rail Transit* (LRT) di bawah *Penang Transport Master Plan* (PTMP)

Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan bagi Projek Bayan Lepas LRT kepada Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) pada 27 Februari 2020. Kementerian Pengangkutan melalui surat bertarikh 17 Jun 2020 memaklumkan bahawa Kementerian tidak dapat mempertimbangkan permohonan projek pembangunan tersebut di bawah *Rolling Plan 1 Tahun 2021 RMKe-12*.

Susulan itu, Kerajaan Negeri telah mengemukakan rayuan permohonan kepada Kementerian Pengangkutan pada 20 Julai 2020. Sehingga kini, tiada sebarang maklum balas diterima.

Memandangkan Projek Bayan Lepas LRT dilihat sebagai projek pembangunan infrastruktur yang dapat membangunkan perkembangan ekonomi negeri dan negara, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk menangguhkan projek-projek ini pada masa ini. Kerajaan Negeri sedang menyusuli kelulusan akhir untuk dimuktamadkan skim rel yang telah mendapat kelulusan bersyarat pada 18 Julai 2019 untuk menjalankan pemeriksaan awam (*Public Inspection*) daripada pihak Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD). Keputusan daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan Kementerian Pengangkutan yang dijangka akan dimuktamadkan sebelum akhir Disember 2020.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

9. Nyatakan perkembangan terkini laluan basikal di Negeri Pulau Pinang dan *timeline* mencapai pelan induk laluan basikal yang ditetapkan dahulu.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dengan kemudahan pengangkutan di negeri Pulau Pinang termasuk kemudahan berbasikal. Sehubungan itu, kemudahan infrastruktur laluan basikal telah disediakan untuk menggalakkan penduduk Pulau Pinang dan pelancong menggunakan basikal untuk perjalanan harian, senaman, riadah dan pelancongan. Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah merangka pelan laluan basikal secara bersepadu seperti berikut:
  - (a) Pelan Induk Laluan Basikal Pulau Pinang Tahun 2010 oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang; dan
  - (b) Pelan Induk Laluan Basikal Seberang Perai Tahun 2011 oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Setakat ini, 195 km atau 97.5% daripada jumlah laluan basikal yang dirancang dalam Pelan Induk Laluan Basikal Pulau Pinang telah berjaya disediakan. Bagi Pelan Induk Laluan Basikal Seberang Perai pula, 169 km atau 84.5% daripada laluan basikal yang dirancang telah disediakan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri menyasarkan tahun 2021 untuk keseluruhan 200 km laluan berbasikal yang telah dirancang dalam kedua-dua pelan induk tersebut disediakan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

10. Sila nyatakan pencapaian di bawah Visi Penang2030.

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. Visi Penang2030 merupakan visi baru untuk negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Ketua Menteri YAB Chow Kon Yeow. Visi ini bertujuan untuk melahirkan negeri pintar dan hijau berteraskan keluarga inspirasi negara menjelang tahun 2030.

Terdapat empat (4) tema utama dan 16 inisiatif strategik dalam Visi Penang2030 yang merangkumi segala aspek pembangunan negeri dan masyarakat, tanpa meminggirkan mana-mana kumpulan maupun individu.

Semua lapisan masyarakat memainkan peranan penting dalam keempat-empat teras utama Penang2030 iaitu meningkatkan dayahuni untuk meningkatkan kualiti kehidupan (*Increase liveability to enhance quality of life*); menaiktaraf ekonomi dengan meningkatkan pendapatan isirumah (*Upgrade Economy to raise household income*); memperkasakan rakyat untuk meningkatkan penyertaan masyarakat (*empower people to strengthen civic participation*); melabur dalam persekitaran infrastruktur dan kemudahan awam untuk meningkatkan daya tahan dalam pelbagai keadaan (*invest in built environment to improve resilience*).

Segala projek, program, polisi dan usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2018 adalah berlandaskan

semangat Visi Penang2030. Ini termasuklah usaha pendigitalan perkhidmatan perbandaran, penggunaan e-wallet, penambahan CCTV, pertanian bandar, pemberian sumbangan akibat pandemik Covid-19 dan sebagainya.

Visi Penang2030 merupakan satu usaha berterusan sehingga tahun 2030 dan bukan berdasarkan hanya satu ataupun beberapa projek semata-mata. Visi ini memerlukan usahasama semua pihak untuk menjayakannya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

11. Nyatakan kutipan cukai pelancongan bagi tahun 2019.
- (a) Nyatakan cukai pelancongan 2018 dan 2019 yang telah digunakan dengan terperinci.
  - (b) Adakah penggunaan cukai tersebut mencapai matlamat mempertingkatkan industri pelancongan negeri?

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

11. Kutipan Cukai Pelancongan bagi tahun 2019 di Pulau Pinang adalah RM20,130,042.
- (a) Kerajaan Persekutuan telah mengagihkan 50% hasil kutipan Cukai Pelancongan kepada Kerajaan Negeri iaitu bersamaan dengan RM10,984,390.00 bagi kutipan tahun 2018 dan RM10,065,021.00 bagi kutipan tahun 2019. Senarai perbelanjaan daripada peruntukan Cukai Pelancongan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
  - (b) Pencapaian industri pelancongan negeri boleh dilihat berdasarkan data Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Pulau Pinang. Sub-sektor yang paling hampir menjelaskan hasil dalam sektor pelancongan adalah melalui jenis aktiviti ekonomi perkhidmatan. Berdasarkan sumber Jabatan Perangkaan Malaysia, sumbangan sub-sektor ini kepada KDNK Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2018 adalah RM46,134 juta, manakala bagi tahun 2019 adalah RM48,673 juta. Peningkatan sebanyak RM2,539

juta atau 5.5% berbanding tahun sebelumnya menunjukkan bahawa industri pelancongan negeri telah berkembang. Secara tidak langsung, penggunaan Cukai Pelancongan bagi program dan aktiviti pelancongan di Pulau Pinang telah menyumbang kepada peningkatan tersebut, dan oleh itu telah mencapai matlamat mempertingkatkan industri pelancongan negeri.

**LAMPIRAN A**

**SENARAI PERBELANJAAN DARIPADA PERUNTUKAN CUKAI  
PELANCONGAN SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2020**

<b>Bil.</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
1	Kerja-kerja pembaikan laluan berhadapan banglo <i>Edgecliff</i> sehingga Jalan Waterfall dan kerja-kerja berkaitan di Bukit Bendera, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	132,930.76
2	Cadangan Menaiktaraf Kamera Litar Tertutup (CCTV) Sistem Analog kepada Sistem Digital (IP) di Stesen Atas, Stesen Tengah, Stesen Bawah dan di sepanjang trek Funicular, Bukit Bendera, Mukim 16, DTL, Pulau Pinang	497,520.00
3	Mereka Bentuk Dan Pemasangan <i>Rock Netting</i> Dan <i>Fencing</i> Di Sepanjang Landasan Funikular Dari Stesen Bawah Sehingga Stesen Atas Bukit Bendera ( <i>Design And Build</i> )	699,428.92
4	Pembangunan Hutan Lipur Telok Bahang	328,535.01
5	Pembangunan Hutan Lipur Bukit Mertajam	316,512.26
6	Pembangunan Taman Negeri Bukit Panchor	298,396.40
7	Pembangunan Muzium Perhutanan	9,580.00
8	Pengurusan Dan Pembangunan Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam, Seberang Perai Utara	145,000.00
9	Menaik taraf Kawasan <i>Sunken Garden</i> Di Dalam Taman Botani Dan Kerja-Kerja Berkaitan	109,910.00
10	<i>Vasakhi Fest 2019</i>	30,000.00
11	<i>Penang Fashion Week 2019</i>	50,000.00
12	Majlis Pelancaran <i>Experience Penang Year 2020 (EPY2020)</i>	81,487.00
13	<i>Penang Dragon Boat Regatta 2019</i>	156,131.70
14	<i>Man Man Market</i>	5,000.00
15	<i>2nd CTY Cup International Guppy Contest</i>	5,000.00
16	<i>Penang Arts Week</i>	684,562.95
17	<i>Eight Day Celebration of Chinese New Year 2019</i>	72,000.00
18	<i>Penang Celebrates: Hari Raya With Radio Sinar @ Design Village</i>	229,829.70

Bil.	Tajuk	Jumlah (RM)
19	<i>Malaysia Miniature Hobby Show 2019</i>	20,000.00
20	Festival Kesenian Balik Pulau 2019	10,000.00
21	<i>Penang Bon Odori Festival 2019</i>	350,741.88
22	<i>Penang Orchid Show 2019</i>	45,000.00
23	Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang Ke-2	10,000.00
24	KBJ Ratu Kebaya 2019	25,000.00
25	Pertandingan Tarian Singa Di Atas Tiang Antarabangsa Pulau Pinang Kali Ke-10 2019	102,015.65
26	<i>Penang Celebrates: Mid-Autumn Festival 2019</i>	487,170.20
27	<i>Penang Coffee Festival 2019</i>	350,964.00
28	<i>George Town Festival 2019</i>	1,500,000.00
29	<i>George Town Heritage Celebration 2019</i>	500,000.00
30	<i>Miss Cosmopolitan World 2019</i>	20,000.00
31	<i>Asia Innovatif+ Summit And Awards 2019</i>	5,000.00
32	Perkhidmatan Percetakan Bahan-Bahan Promosi Bagi "Experience Penang Year 2020"	19,536.00
33	<i>Penang Bridge International Marathon 2019</i>	372,913.30
34	Perkhidmatan Van Sticker Wrapping untuk pengiklanan kempen "Experience Penang Year 2020"	2,900.00
35	<i>Man Man Market Pop-Up Market</i>	10,000.00
36	Program Pendidikan "Cultural Heritage Education Program" 2019	180,000.00
37	Video Bagi Meningkatkan Kesedaran Terhadap Kemampanan Pelancongan Di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town	78,000.00
38	Pembaikan Dan Penyelenggaraan Pavillion Medan Fair	47,930.00
39	<i>Penang Tourism Master Plan</i>	600,000.00
40	Latihan bahasa asing untuk pemandu pelancong Pulau Pinang	10,000.00
41	Kajian Pra Feasibiliti untuk Projek Kereta Kable di Bukit Bendera	31,800.00
42	Bengkel Warisan Ketara 2019	119,995.52
43	<i>Intangible Cultural Heritage Capacity Building Workshops 2019</i>	99,664.32

<b>Bil.</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
44	Pembangunan Kapasiti Warisan "Conservation Documents" 2019	99,920.98
45	Lukisan Terukur Bagi Bangunan Warisan 2019	188,680.00
46	Program Pendidikan Alam Sekitar, Herbarium, Lanskap Dan Hortikultur	149,788.01
47	<i>Penang Grand Parade 2020</i>	263,275.60
48	Bayaran sewa Muzium Kebudayaan Komik Asia ( <i>Penang Asia Comic Cultural Museum</i> ) bagi tahun 2020	413,940.00
49	<i>Penang Celebrates: Chap Goh Meh 2020</i>	185,215.20
50	Program Promosi <i>Experience Penang Year 2020</i>	1,824,485.00
<b>Jumlah Keseluruhan (RM)</b>		<b>11,975,760.36</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

12. Nyatakan nisbah Pakar Sains Sukan seperti Pakar Nutrisi, Psikologi, Rehab Terapi dan sebagainya kepada jumlah atlet Negeri Pulau Pinang dan nisbah yang ditetapkan oleh Institut Sukan Negara.
- (a) Adakah nisbah negeri ini mencukupi bagi membantu meningkatkan prestasi atlet?

**YB. SOON LIP CHEE  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

12. Perjawatan Pegawai Sains Sukan sedia ada di Unit Sains Sukan & Perubatan Sukan, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) adalah sembilan (9) orang dengan perincian seperti berikut:
- (i) 1 Pegawai Suaian Fizikal;
  - (ii) 1 Jurulatih Kecergasan;
  - (iii) 1 Jurulatih Gimnasium;
  - (iv) 1 Pegawai Pemakanan;
  - (v) 1 Juru Runding Pemakanan (Sambilan);
  - (vi) 1 Pegawai Psikologi (Sambilan);
  - (vii) 1 Juru Rehabilitasi; dan
  - (viii) 2 Pegawai Fisioterapi (Sambilan).

Nisbah Pakar Sains Sukan sedia ada kepada atlet Negeri Pulau Pinang adalah mengikut jenis perkhidmatan seperti berikut:

- (a) Sesi Latihan Suaian Fizikal – 1:725;

- (b) Ujian Komposisi Tubuh Badan dan Konsultasi –1:725;
- (c) Sesi Rehabilitasi – 1:362;
- (d) Rawatan Jurufisio – 1:362; dan
- (e) Sesi Ujian Kecergasan Fizikal – 1:120.

Nisbah Pakar Sains Sukan yang disarankan oleh Institut Sukan Negara (ISN) adalah seperti berikut:

- (i) Suaian Fizikal – 1:10 dan tidak melebihi 1:15;
- (ii) Ujian Komposisi Tubuh Badan dan Konsultasi – 1:1;
- (iii) Rehabilitasi – 1:3;
- (iv) Rawatan – 1:1; dan
- (v) Ujian Kecergasan Fizikal – 1:5.

- (a) MSNPP mendapati bilangan perjawatan sedia ada masih belum mencukupi untuk mematuhi nisbah yang disarankan oleh ISN. Walau bagaimanapun, pegawai dan kakitangan di Unit Sains Sukan dan Perubatan Sukan menjalankan perkhidmatan secara berbilang tugas (*multitasking*) bagi membantu meningkatkan prestasi para atlet. Selain itu, pada masa ini perkhidmatan dijalankan secara tempahan (*based on request*) dan keutamaan adalah kepada atlet / jurulatih SUKMA.

MSNPP dalam proses penstrukturran semula Unit Sains Sukan dan Perubatan Sukan bagi menambah bilangan pegawai yang berkelayakan dan berkemahiran.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

13. Nyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk perkembangan eSport dari 2018 hingga 2020.
- (a) Nyatakan jumlah peserta eSport negeri. Berapakah peserta yang telah menjadi pemain eSport sepenuh masa?
- (b) Apakah visi negeri dalam perkembangan eSport? Huraikan dengan terperinci.

**YB. SOON LIP CHEE  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dan Perbadanan Pembangunan Belia (PYDC) untuk perkembangan e-sukan dari tahun 2018 hingga 2020 adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Tahun</b>	<b>Agensi Pelaksana</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
1.	2018	MSN	-
		PYDC	141,425.00
2	2019	MSN	6,000.00
		PYDC	89,212.00
3	2020	MSN	6,000.00

	PYDC	81,650.86
	<b>JUMLAH</b>	<b>324,287.86</b>

- (a) Jumlah peserta *eSport* Negeri Pulau Pinang dari tahun 2018 sehingga kini adalah seramai 11,280 orang.

Berdasarkan data Persatuan Sukan Elektronik Pulau Pinang, belum ada peserta yang telah menjadi pemain *eSport* sepenuh masa.

- (b) Visi Kerajaan Negeri adalah untuk melahirkan atlet-atlet *eSport* yang berdaya saing dan bertaraf antarabangsa. Selain itu, kerajaan negeri akan mempromosikan *eSport* secara positif sebagai elemen pembinaan kerjaya, peningkatan kemahiran dan keusahawanan terutamanya kepada golongan belia. Sebagai langkah permulaan, Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) telah melantik jurulatih sambilan sukan elektronik bagi persiapan atlet *eSport* Negeri Pulau Pinang untuk Sukan Malaysia.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

14. Pulau Pinang akan menerima penyambungan Generasi 5 (5G) pada tahun hadapan.
- (a) Adakah rangkaian ini akan sampai ke kawasan kediaman dan Seberang Perai?
- (b) Sila nyatakan kawasan yang akan menikmati jaringan 5G.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. (a) Merujuk kepada pengumuman Kerajaan Persekutuan, pelan pelaksanaan liputan teknologi 5G telah disemak semula di bawah satu pelan tindakan yang dinamakan sebagai Jalinan Digital Negara (JENDELA). Dalam pelan tindakan tersebut, JENDELA akan dilaksanakan secara berfasa di mana Fasa 1 telah pun bermula. Berikut adalah sasaran JENDELA Fasa 1 di seluruh negara sehingga akhir tahun 2022 adalah seperti berikut:
- (i) Memperluaskan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8% kepada 96.9% di kawasan berpenduduk;
- (ii) Mempertingkatkan kelajuan jalur lebar mudah alih daripada 25Mbps kepada 35Mbps; dan
- (iii) Membolehkan sebanyak 7.5 juta premis mendapat akses jalur lebar talian tetap berkelajuan gigabit.

Sepanjang Fasa 1 ini, rangkaian 3G akan ditamatkan secara berperingkat sehingga akhir 2021 untuk tujuan memantapkan rangkaian 4G serta memperkuatkan asas bagi rangkaian 5G.

Pada Fasa ke-2, peralihan kepada teknologi 5G akan menyusul setelah platform yang kukuh di dalam Fasa 1 tercapai. Buat masa ini, kerajaan persekutuan menumpukan kepada perancangan dan permulaan bagi ketersediaan infrastruktur 5G. Dijangka penggunaan teknologi 5G akan dapat digunakan sepenuhnya menjelang tahun 2023.

- (b) Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih belum menerima senarai kawasan jaringan 5G kerana peruntukan spektrum 5G masih belum diberikan kepada mana-mana syarikat telekomunikasi. Namun begitu berdasarkan kepada ciri-ciri 5G ini, keutamaan pelaksanaan adalah di kawasan berimpak tinggi seperti kawasan industri, kawasan berkepadatan tinggi, kawasan hub transportasi utama dan kawasan bandar-bandar utama.

**MESUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

15. Apakah peraturan untuk menghalang kenderaan berat dari memasuki atau menggunakan jalan di kawasan kediaman?
  - (a) Jika terdapat taman perumahan menghadapi kacau ganggu kenderaan berat, apakah cara penyelesaiannya?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

15. Dari segi perundangan pada ketika ini, tiada peruntukan khas menghalang mana-mana kenderaan berat untuk memasuki atau menggunakan jalan di kawasan taman-taman perumahan. Namun begitu, sekiranya kenderaan di atas diletak di jalan-jalan kawasan taman-taman perumahan dan menyebabkan bahaya, halangan atau kesusahan tak berpatutan kepada pengguna-pengguna jalan yang lain, tindakan boleh diambil di bawah Seksyen 48 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Namun begitu, Seksyen 71 Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) boleh diguna pakai untuk menghalang kenderaan berat dari memasuki atau menggunakan jalan di kawasan kediaman. Pelaksanaan seksyen 71 Akta 333 ini memerlukan kawasan tersebut diwartakan larangan atau penghadang pemanduan atau penggunaan mana-mana kenderaan di mana-mana jalan atau kawasan kediaman.

- (a) Jika terdapat taman perumahan yang menghadapi kacau ganggu kenderaan berat, tindakan boleh diambil oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) atau pihak berkuasa yang berkenaan mengikut seksyen 48 Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333). Cara penyelesaian yang ditetapkan oleh seksyen 48 Akta 333 adalah dengan mengapit roda kenderaan motor atau mengalihkannya ke mana-mana tempat yang difikirkan sesuai oleh PDRM, JPJ atau pihak berkuasa yang berkenaan. Selain itu, tindakan pendakwaan di mahkamah juga boleh diambil dan apabila disabitkan dengan kesalahan didenda tidak kurang daripada RM1,000.00 dan tidak lebih daripada RM5,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau kedua-duanya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

16. Apakah yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu pelajar yang tiada status kewarganegaraan untuk melanjutkan pelajaran di IPTA dan IPTS?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

16. Setakat ini, Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang telah menerima 20 kes berhubung masalah pelajar bukan warganegara yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

Kerajaan Negeri telah mengemukakan rayuan bagi pihak pelajar bukan warganegara tersebut kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang mempunyai bidang kuasa sepenuhnya dalam perkara ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

17. Apakah kaedah lain untuk memaklumkan kepada penerima i-Sejahtera mengenai penundaan pembayaran secara tunai dan pendaftaran secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) selain melalui surat khabar?

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. Program-program kebajikan i-Sejahtera telah pun dilaksanakan seawal tahun 2010 yang berperanan sebagai satu(1) sumbangan penghargaan kepada rakyat negeri Pulau Pinang yang berbilang agama, kaum dan latar belakang sosioekonomi. Sumbangan kewangan disalurkan kepada penerima manfaat program-program ini melalui dua (2) kaedah iaitu pembayaran kepada penerima sumbangan secara tunai ataupun melalui kaedah pindahan wang elektronik (EFT). Berikut pandemik Covid-19 yang melanda negara ketika ini, Kerajaan Negeri terpaksa menunda tarikh pembayaran secara tunai beberapa kali bagi mengelakkan perkumpulan orang ramai yang boleh menyukarkan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dan meningkatkan risiko jangkitan dalam kelompok masyarakat. Sementara itu, Kerajaan Negeri terus mempromosikan kaedah EFT sebagai alternatif untuk penerima manfaat menerima wang sumbangan program. Antara saluran pemakluman yang digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk menghebahkan kepada pemohon mengenai penundaan bayaran secara tunai serta pendaftaran secara EFT adalah:-

- (i) Pemakluman melalui perkhidmatan sistem teks pesanan ringkas *short messaging system* (SMS) kepada penerima-penerima yang masih

belummenerima pembayaran dan belum mengemaskini maklumat perbankan. Walau bagaimanapun, kaedah ini terhad kepada penerima dengan nombor telefon bimbit yang aktif sahaja;

- (ii) Pemakluman melalui paparan di portal i-Sejahtera. Makluman ini dipaparkan apabila pemohon membuat semakan pembayaran di profail permohonan masing-masing dan sistem akan memaklumkan kepada pemohon untuk mengemaskini maklumat perbankan masing-masing;
- (iii) Pemakluman pembayaran secara terus kepada penerima sumbangan melalui pertanyaan menerusi panggilan telefon. Penerima sumbangan yang bertanyakan status pembayaran kepada Pejabat Daerah dan Tanah dan Unit Masyarakat Penyayang akan dimaklumkan mengenai penundaan bayaran dan dinasihatkan untuk memilih kaedah pembayaran secara EFT; dan
- (iv) Pemakluman kepada penerima sumbangan melalui emel. Maklum balas akan diberikan oleh pentadbir sistem i-Sejahtera kepada mana-mana penerima sumbangan yang menghantar aduan atau pertanyaan mengenai pembayaran melalui sistem aduan portal i-Sejahtera dan penerima akan dimaklumkan mengenai penundaan ini dan diminta untuk mengemaskini maklumat perbankan bagi membolehkan pembayaran dilakukan menggunakan kaedah EFT.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

18. Apakah perancangan atau langkah-langkah yang akan diambil dan sudah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membendung penularan COVID-19 daripada semakin meningkat?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

18. Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk menetapkan apa-apa Prosedur Operasi Standard (SOP) atau peraturan bagi kawalan dan sekatan berkaitan dengan penularan COVID-19. Ini kerana SOP kawalan dan pencegahan penyakit COVID-19 adalah tertakluk kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri bersama-sama dengan pihak Jabatan Kesihatan Negeri, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambil beberapa inisiatif bagi membendung penularan COVID-19:
  - (i) Pelancaran Kempen Penang Lawan COVID-19 sebagai platform capaian maklumat kepada orang awam;
  - (ii) Isolasi kes-kes positif (iaitu *admit HPP*);
  - (iii) Pengesanan kontak-kontak di Pulau Pinang kepada mana mana kes positif melalui siasatan dan *MySejahtera Tracking*;

- (iv) *Home Surveillance and Observation Order* selama 14 hari daripada tarikh akhir terdedah untuk kontak kepada kes positif;
- (v) Ujian pertama *Polymerase Chain Reaction (PCR)* COVID-19 dan ujian kedua *Rapid Test Antibody* dilakukan ke atas kontak-kontak kes;
- (vi) Ujian *PCR / Rapid Test Antigen* dilakukan ke atas mereka yang bergejala demam, batuk atau sesak nafas, mereka yang akan menjalani pembedahan dan mereka yang dari kawasan *EMCO/TEMCO*;
- (vii) Memastikan disinfeksi dilakukan di lokaliti premis berkaitan mengikut penilaian risiko oleh Pejabat Kesihatan Daerah;
- (viii) Penutupan premis sekiranya perlu atas penilaian risiko oleh Pejabat Kesihatan Daerah / Jabatan Kesihatan Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan;
- (ix) Pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dalam pematuhan SOP MKN oleh PDRM dan Unit Penguatkuasaan Pejabat Kesihatan Daerah / Jabatan Kesihatan Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan;
- (x) Pemimpin / ketua masyarakat / ADUN / Pegawai Seranta / Pegawai Penyelarasn KADUN & Parlimen / ahli KOSPEN, COMBI, PBT dan Panel Penasihat juga terlibat dalam mempromosi, mendidik dan memantap aktiviti CAPP dalam komuniti mereka (Cegah dan didik, Amal, Patuh Dan Pantau) supaya komuniti terus mengamalkan norma baharu serta mematuhi SOP sedia ada apabila melaksanakan apa-apa aktiviti dalam komuniti mereka;
- (xi) Pusat hiburan/ lesen hiburan awam dibenarkan beroperasi sehingga 12 malam sahaja. Pub atau diskò tidak dibenarkan beroperasi lagi. Premis serbaneka 24 jam dibenarkan sehingga 2 pagi sahaja;
- (xii) Memastikan semua pengembara yang masuk ke Pulau Pinang melalui pintu masuk antarabangsa mematuhi arahan semasa iaitu daftar MySejahtera; disaring suhu, gejala serta ujian *Rapid Test Antigen*

- sebaik tiba di pintu masuk antarabangsa; dikuarantin 14 hari di Pusat Kuarantin Bahang Bay Hotel dan Rainbow Paradise Beach Resort serta disaring ujian *Rapid Test Antibody* pada hari ke 13 kuarantin. Sekiranya keputusan positif akan dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang;
- (xiii) Menggalakkan mereka yang balik dari kawasan-kawasan terlibat supaya membuat saringan ujian COVID-19 (PCR / *Rapid Test Antigen*) atas inisiatif sendiri disusuli dengan *Home Surveillance and Observation* selama 7-14 hari atas inisiatif sendiri dan sokongan majikan masing-masing. Sekiranya bergejala dalam tempoh ini perlu pergi ke klinik kesihatan terdekat untuk pemeriksaan dan pengesahan penyakit; dan
- (xiv) Memastikan mereka yang balik dari Sabah mulai 27/9/2020 hingga 10/10/2020 mematuhi arahan KKM semasa iaitu saringan ujian PCR COVID-19 di Lapangan Terbang serta *Home Surveillance and Observation Order* (HSO) sehingga mendapat keputusan ujian. Sekiranya positif dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang dan sekiranya negatif dibebaskan daripada arahan HSO di rumah / penginapan atas pilihan mereka. Walau bagaimanapun, mereka dinasihatkan meneruskan HSO atas inisiatif sendiri dengan sokongan majikan mereka untuk tempoh 14 hari.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

19. Penularan COVID-19 membawa cabaran kewangan kepada rakyat dan sektor perniagaan khususnya penjaja bergerak dan penjaja pasar.
- (a) Nyatakan langkah yang akan diambil untuk mengurangkan beban mereka.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

19. (a) Dalam usaha membantu penjaja bergerak dan penjaja pasar mengurangkan beban mereka terutamanya selepas dilanda pandemik COVID-19, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan. Antara bantuan yang diberikan kepada penjaja bergerak dan penjaja pasar adalah seperti berikut:
- (i) Memberikan pengecualian bayaran sewa gerai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi bulan April 2020;
- (ii) Memberikan Bantuan Penjaja Khas RM500.00 yang dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri kepada penjaja dan peniaga kecil berlesen;
- (iii) Memberikan Bantuan Penjaja Khas RM500.00 yang dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri kepada penjaja dan peniaga kecil yang mempunyai *tagging* dan berdaftar dengan PBT;

- (iv) Membantu dalam memudahkan proses pengeluaran lesen / permit kepada penjaja / peniaga kecil iaitu lesen dikeluarkan dalam tempoh 1 hari untuk permohonan yang lengkap;
- (v) Meluluskan permit penjajaan secara sementara kepada peniaga / penjaja tepi jalanan mengikut kesesuaian lokasi penjajaan dan tidak menimbulkan kacau ganggu;
- (vi) Mengeluarkan permit buah-buahan bermusim kepada penjaja yang menjalankan aktiviti tersebut;
- (vii) Meningkatkan kekerapan sesi temuduga terbuka dari tiga (3) bulan sekali kepada setiap bulan bagi memberi peluang kepada penjaja tanpa lesen menjalankan aktiviti perniagaan dalam kompleks/gerai PBT;
- (viii) Meluluskan cadangan Lesen Trak Bergerak bagi membantu penjaja tanpa lesen;
- (ix) Mengecualikan bayaran lesen kepada peniaga berlesen dan juga pengajur pasar malam untuk tempoh mulai April hingga Julai 2020;
- (x) Melancarkan program Jom Beli Online (JBO@MBPP) bagi membantu penjaja meningkatkan jualan mereka; dan
- (xi) Melancarkan inisiatif tanpa tunai bagi pasar awam seluruh negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan Bank Negara Malaysia.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

20. Perbadanan Aset Keretapi (RAC) sering kali lewat mengambil tindakan ke atas aduan semak samun di sekitar laluan kereta api yang dimaklumkan.
- (a) Adakah ada pihak lain yang bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan di kawasan laluan kereta api?
  - (b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai inisiatif lain dalam menyelesaikan masalah ini?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

20. (a) Pihak Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan agensi tunggal yang bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan di kawasan laluan keretapi.
- (b) Memandangkan RAC bertanggungjawab menjaga kebersihan di kawasan laluan keretapi, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan membuat pemakluman segera kepada RAC sekiranya terdapat isu atau aduan semak samun di sekitar laluan keretapi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

21. Apakah prosedur kelulusan pembayaran kepada kontraktor yang dilantik oleh agensi di bawah Kerajaan Negeri untuk menjalankan projek?
- (a) Adakah pembayaran masih diluluskan sekiranya kerja yang dijalankan oleh kontraktor berkenaan tidak memuaskan?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

21. Apakah prosedur kelulusan pembayaran kepada kontraktor yang dilantik oleh agensi di bawah Kerajaan Negeri untuk menjalankan projek?

Kontraktor yang telah dilantik akan mengemukakan tuntutan bayaran bagi kerja-kerja yang telah diselesaikan setelah pemeriksaan fizikal dilaksanakan bersama pegawai teknikal. Setelah dokumen dikemukakan, pegawai teknikal akan mengemukakan laporan bergambar kepada pegawai inden bagi tujuan pengesahan inden untuk proses pembayaran.

- (a) Adakah pembayaran masih diluluskan sekiranya kerja yang dijalankan oleh kontraktor berkenaan tidak memuaskan?

Pembayaran kepada kontraktor hanya akan dibuat setelah semua kerja-kerja diselesaikan dan mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan. Sekiranya kerja disiapkan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau pegawai teknikal tidak berpuas hati dengan hasil kerja tersebut,

bayaran tidak akan dibuat atau pemotongan terhadap bayaran akan dibuat. Kontraktor dikehendaki menyiapkan kerja sehingga selesai dan sempurna mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

22. Tempat letak kereta di Hospital Bukit Mertajam menimbulkan kesesakan lalu lintas di kawasan berkenaan.

- (a) Apakah yang boleh Kerajaan Negeri lakukan untuk menyelesaikan masalah ini?

**YB. DR. HAJAH NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

22. Kerajaan Negeri dan pihak Hospital Bukit Mertajam sentiasa cakna dan berusaha untuk menangani isu kesesakan lalulintas dan kekurangan kawasan letak kenderaan awam di Hospital Bukit Mertajam.

Buat masa sekarang, terdapat sebanyak 320 lot pakir kereta di dalam kawasan hospital untuk kegunaan kakitangan hospital dan orang awam. Selain itu, terdapat satu kawasan letak kenderaan awam berbayar yang mampu memuatkan hampir 200 buah kenderaan di belakang kawasan hospital dengan bayaran sebanyak RM 2.00.

- (a) Untuk menyelesaikan masalah ini, pihak pengurusan Hospital Bukit Mertajam dengan kerjasama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menyediakan tempat letak kenderaan sementara di Lorong Usahaniaga 1 iaitu tanah di kawasan kuarters Pejabat Tanah sebagai kawasan letak kenderaan awam memandangkan tiada tanah hak milik Jabatan Kesihatan di kawasan berhampiran hospital untuk dibuat sebagai kawasan letak kenderaan awam tambahan.

Selain itu, untuk mengurangkan kesesakan, orang awam yang tinggal berhampiran dengan kawasan Bukit Mertajam digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan bas yang disediakan oleh Rapid Penang. Perancangan yang telah dilaksanakan:

- (i) Menyediakan tempat letak kenderaan sementara di Lorong Usahaniaga 1 (kawasan kuarters Pejabat Daerah dan Tanah).
- (ii) Menyediakan perkhidmatan bas henti-henti khususnya bas Rapid Penang di kawasan Bukit Mertajam bagi mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian seperti berikut.

Perancangan jangka masa panjang:

- i) Menaiktaraf Jalan Kampung Besar menjadi jalan tunggal dua hala berspesifikasi Jabatan Kerja Raya (JKR).
- ii) Menaiktaraf Jalan Kulim kepada empat (4) lorong.
- iii) Membina jalan baru yang menghubungkan Jalan Murthy/ Lorong Mertajam dengan Jalan Susur Jalan Sungai Rambai.
- iv) Membina jalan baru yang menghubungkan Jalan Arumugan Pillai dengan Lorong Aston 2.
- v) Menyediakan perkhidmatan monorel dari Raja Uda ke Bukit Mertajam seperti yang dicadangkan di dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

23. Nyatakan status kerja kuari batu di KADUN Berapit dan KADUN sebelah.
- Adakah pembukaan kuari batu baru di kawasan tersebut akan diteruskan?
  - Nyatakan berapa kuari batu sedia ada dalam negeri dan berapa pembukaan baru yang akan diluluskan.

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

23. Status kerja kuari batu di dalam Daerah Seberang Perai Tengah adalah seperti di lampiran.
- Berdasarkan kepada rekod Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTSP) sehingga 30 September 2020, tiada sebarang permohonan baru diterima untuk kuari batu baru di kawasan ini.
  - Jumlah kuari batu sedia ada dan permohonan kuari baru di negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut :
    - Jumlah kuari batu sedia ada : Lapan (8)

- (a) Daerah Seberang Perai Tengah – Lima (5)
  - (b) Saw Chong Teok Quarry Sdn. Bhd.
  - (c) Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd. di dua (2) Kawasan
  - (d) Syarikat Barkat Sdn. Bhd.
  - (e) Kuad Sdn. Bhd.
  - (f) Daerah Timur Laut – Dua (2)
  - (g) Boon Siew Sdn. Bhd.
  - (h) Daerah Barat Daya – Satu (1)
  - (i) Tetuan Sofinaz Holdings Sdn. Bhd.
- (ii) Jumlah pembukaan kuari batu baru : Tiada

**MAKLUMAT-MAKLUMAT KUARI YANG BEROPERASI DI SEBERANG PERAI TENGAH**

**TAHUN** : **2020**  
**NEGERI** : **PULAU PINANG**  
**DAERAH** : **SEBERANG PERAI TENGAH (SPT)**

BIL	NAMA DAN ALAMAT PENGUSAH A / SYARIKAT	OPERATOR	NO TELEFON	LOKASI BAHAN DIAMBIL	JENIS BAHAN (HASIL)	ROYALTI TAHUNAN	JUMLAH PENGELUAR AN SEPANJANG TAHUN (TAN METRIK)	TARIKH PERMIT DILULUSKA N	TARIKH PERMIT TAMAT	STATUS (AKTIF/ TIDAK AKTIF)
1.	Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd. Lot 1509, Mukim 20, Guar Ipoh, 14400 Kubang Semang, Bukit Mertajam.	Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd.	04- 5215034	Lot 10000, (lot lama 1509) seentak PT43, Mukim 20, Penanti	Batu	579,852.00	386,568.00	10.11.2017 (keulusan 3 tahun)	31.12.2020	Aktif

2.	Syarikat Barkat Sdn. Bhd. No. 54-3-2, Wisma Sri Mata Jalan Van Praagh 11600 Pulau Pinang. <b>Operator :</b> Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd.	Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd.	04-5215034	PT 97 (Lot Lama 856), Mukim 20, Penanti	Batu	-	Belum operasi	16.4.2015	31.12.2017	Tidak Aktif
3	Syarikat Berkat Sdn. Bhd. No. 54-3-2, Wisma Mata, Jalan Van Praagh, 11600 Pulau Pinang.	Batu Tiga Quarry Sdn Bhd	04-5215034	Lot 4005, (lot lama 834) Mukim 12, Juru	Batu	-	Belum Operasi	17.10.2017 (kelulusan 3 tahun )	31.12.2019	Tidak Aktif
4	Saw Cheong Teok Kuari Sdn. Bhd. d/a: Lot 834, Mk. 12, 14100 Juru, Pulau Pinang. <b>Operator :</b> Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd.	Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd.	04-5087876	PT 659 (Sebahagian Lot 834), Mukim 12, Juru	Batu	746,928.00	495,952.00	16.4.2015	31.12.2017	Aktif (dalam proses pembaharuan)

5	Perbadanan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. Tingkat 32& 33 KOMTAR, Jalan Penang, 10000 Pulau Pinang.	Impian Mawar Sdn. Bhd.	04-3565860	PT 658, Mukim 12, (JURU)	0	1,013,625.0	675,750.00	29.6.2016 (kelulusan 3 tahun)	31.12.2018	Aktif
6	Kuad Sdn. Bhd. Kuari Penanti, 14000 Bukit Mertajam	Kuad Sdn. Bhd.	04-50877876	PT 44 disatukan dgn Lot 959, Mukim 20 (Penanti)	Batu	57,330.00	458,640.00	22.3.2018 (kelulusan 3 tahun)	31.12.2020	Aktif

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

24. Nyatakan status Penang Free Wifi dan status Penang Free Wifi di KADUN Berapit.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

24. Penang Free Wifi (PFW) telah diperkenalkan pada tahun 2009 dengan 1,560 Access Points (APs) di 40 KADUN negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatan ini pada 13 Februari 2019 kerana terdapat beberapa isu berbangkit berkaitan perkhidmatan PFW seperti tahap bandwith dan liputan yang disediakan oleh pihak REDtone International Berhad (REDtone) adalah tidak memuaskan.

Selepas penamatan projek PFW tersebut, Kerajaan Negeri melalui PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd. telah mengiklankan tender Request for Proposal (RFP) secara terbuka sebanyak dua (2) kali, namun pembida-pembida gagal untuk menepati kriteria-kriteria utama yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri sedang merancang untuk memasukkan elemen wifi percuma sebagai satu komponen dalam projek-projek Kerajaan Negeri seperti projek Smart Bus Stop, projek Smart Street Pole dan lain-lain.

Pada ketika ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk memperluaskan perkhidmatan wifi percuma di seluruh Negeri Pulau Pinang. Pelaksanaan perkhidmatan ini akan ditumpukan di kawasan awam seperti pejabat kerajaan, sekolah, pasar awam dan lain-lain. Kerajaan Negeri percaya perkhidmatan wifi percuma perlu disediakan di kawasan tersebut dalam

meningkatkan usaha untuk mengurangkan jurang digital, selaras dengan pembangunan kerajaan digital di kawasan-kawasan awam seperti pelaksanaan inisiatif tanpa tunai dan pembelajaran digital.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

25. Terdapat banyak perniagaan yang dimiliki oleh warga asing di Pekan Bukit Mertajam dan ini merisaukan penduduk atas kesihatan mereka.
- (a) Apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan peniaga warga asing?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

25. (a) Kerajaan Negeri mengambil perhatian berkenaan perniagaan yang dimiliki oleh warga asing di Pekan Bukit Mertajam. Antara tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk mengurangkan peniaga warga asing adalah seperti berikut :
- (i) Mewujudkan dasar dan mengenakan serta menguatkuasakan syarat pelesenan berhubung penglibatan pekerja / pembantu warga asing di premis perniagaan yang menetapkan syarat 30 peratus pekerja hendaklah terdiri daripada pekerja warga tempatan.
- (ii) Menjalankan operasi penguatkuasaan bersepadan bersama Jabatan Imigresen Negeri Pulau Pinang dan jabatan/agensi penguatkuasaan luar seperti PDRM, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal

Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di premis-premis perniagaan warga asing Pekan Bukit Mertajam.

- (iii) Mengeluarkan tawaran kompaun di atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen serta tidak mematuhi syarat-syarat pelesenan.
- (iv) Mengeluarkan Notis Menghendaki Perniagaan Dihentikan atau Notis Menghendaki Aktiviti Penjajaan Dihentikan kepada peniaga warga asing yang dijalankan tanpa lesen perniagaan MBSP yang sah.
- (v) Mengambil tindakan sitaan barang niaga yang diletakkan di kaki lima dan menyebabkan halangan.
- (vi) Mengambil tindakan pembatalan lesen perniagaan yang dimiliki oleh warga tempatan tetapi dijalankan oleh warga asing kerana gagal mematuhi syarat-syarat pelesenan serta garis panduan yang telah ditetapkan.
- (vii) Melarang sepenuhnya penglibatan pekerja/pembantu warga asing dan pasangan warga asing kepada warga tempatan dalam aktiviti perniagaan kedai runcit.
- (viii) Mengambil tindakan undang-undang di mahkamah terhadap perniagaan warga tempatan yang diuruskan oleh warga asing kerana kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen di bawah Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen, MPSP 1980.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

26. Beberapa tempat di Jalan Sepakat, Jalan Bandaraya di Taman Tenang sering kali berlaku masalah banjir kilat.
- (a) Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

26. Daripada pemantauan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), banjir kilat di Jalan Sepakat, Jalan Bandaraya di Taman Tenang berada pada paras anjung rumah dan hanya berlaku apabila hujan turun terlalu lebat.
- (a) MBSP buat masa ini melaksanakan pemantauan terhadap banjir kilat yang berlaku dan belum mempunyai perancangan untuk menaik taraf sistem perparitan di kawasan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
12 OKTOBER 2020**

**PERKARA : 4(B)(XXVI)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT  
YB. HENG LEE LEE**

27. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk menjadikan rumah asal Ketua Menteri Pulau Pinang yang pertama iaitu Tan Sri Wong Pow Nee di Bukit Mertajam sebagai muzium?

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

27. Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan untuk menjadikan rumah asal Ketua Menteri Pulau Pinang yang pertama iaitu YBhg. Tan Sri Wong Pow Nee di Bukit Mertajam sebagai muzium.

Pada masa ini, cadangan menjadikannya sebagai sebuah muzium masih dalam peringkat idea kerana rumah tersebut adalah hak milik persendirian dan apa jua cadangan atau perancangan untuk rumah tersebut dijadikan sebuah muzium perlulah menitikberatkan faktor utama iaitu kajian dan rancangan rapi bagi penubuhan sesebuah muzium.

Kajian dan perancangan teliti juga perlu dibuat termasuklah implikasi peruntukan kewangan serta pematuhan garis panduan penubuhan sesebuah muzium.